

## **“SAYANG ANAK MAMA... SAYANG ANAK PAPA...”**

Oleh:  
Suriati binti Barning  
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau

### **PENDAHULUAN**

Anak adalah satu anugerah Allah yang tidak termilai. Kehadirannya amatlah dinanti-nantikan. Anak adalah penghubung jambatan kasih sayang antara suami dan isteri dan merupakan satu rahmat Allah SWT yang mahal harganya. Si suami seharusnya mengucapkan tahniah kepada si isteri di atas kelahiran cahayamata yang dinanti-nantikan. Islam telah menggariskan panduan bagi menzahirkan rasa kesyukuran dan kegembiraan dengan beberapa perkara sunat untuk kita lakukan iaitu:

#### **Pertama: azan dan iqamat**

Islam mensyariatkan agar azan dilaungkan di telinga kanan dan iqamat di telinga kiri bayi, sesuai dengan hadis Rasulullah SAW yang diiwayatkan oleh Ibn Abbas r.a yang bermaksud: “*Aku bersyukur kepada Allah yang menganugerahkan. Sungguh sempurna kekuasaanNya dan kamu telah mendapat anugerah kebaikanNya*”

Begitu juga dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Rafi' yang bermaksud: “*Saya melihat Rasulullah SAW membacakan azan pada telinga kanan Hassan bin Ali yang baru dilahirkan oleh Fatimah*”.

#### **Kedua: Tahnik**

Islam menyarankan agar melaksanakan tahnik iaitu membuka atau memecahkan mulut bayi yang baru lahir dengan buah tamar yang telah dikunyah oleh orang alim dan bertakwa. Isi buah tamar yang telah dikunyah itu diletakkan di atas telunjuk dan dimasukkan di dalam mulutnya. Ini dilakukan hingga kurma tadi menyentuh keseluruhan mulut hingga ke rongga tekak bayi. Ini berdasarkan kepada hadis Abu Burdah daripada Abu Musa r.a yang bermaksud: “*Aku telah mendapat seorang anak, kemudian aku membawanya kepada Nabi SAW. Baginda menamakannya Ibrahim, lalu mentahnikkannya ( memecahkan mulutnya) dengan sebiji kurma*”.

Sekiranya kurma sukar didapati bolehlah digantikan dengan manisan lain seperti gula dan madu lebah.

#### **Ketiga: Memberi nama yang baik**

Islam menganjurkan untuk memilih nama-nama yang elok dan mempunyai makna yang baik. Islam menganjurkan agar menamakan anak pada hari ketujuh kelahiran kerana nama itu sendiri adalah merupakan doa kepada anaknya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “*Sesungguhnya kamu akan diseru pada hari kiamat dengan nama-nama kamu dan nama – nama bapa kamu,maka indahkanlah nama kamu*”. (Riwayat Abu Daud)

Sebenarnya pemilihan nama-nama yang baik ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi sifat peribadi dan akhlak seseorang Muslim. Bacalah doa ketika menamakan anak:

“*Ya Allah ya Tuhan kami, jadikanlah nama yang diberi ini memberi keberkatan kepadanya, pandulah segala usahanya ke arah keredhaanMu, jadikanlah menuntut ilmu sebagai matlamatnya dan akhirkan hidupnya dengan amal yang soleh. Ya Allah ya Tuhan kami, lanjutkanlah usianya dalam ketaatan kepadamu dan jadikan tubuh badannya dalam keadaan sihat walafiat. Ya Allah jadikan dia pemimpin di waktu dewasa, teguhkan imannya seperti prima iman para nabiMu sehingga hari kiamat.. Ya Allah kurniakan ia rezeki yang halal dan berkat, dekatkanlah ia dengan kebaikan dan jauhkan ia daripada kejahatan dengan rahmatMu, Ya Allah yang Maha Pengasih*”.

#### **Nama-nama yang digalakkan dalam Islam**

##### **Pertama: Nama-nama nabi**

Diriwayatkan daripada Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Namakanlah (anak-anakmu) dengan nama-nama para nabi*”.

##### **Kedua: Nama-nama anak yang diambil daripada Asma ‘ul Husna**

Diriwayatkan daripada Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Sesungguhnya nama-nama paling disukai oleh Allah ialah Abdullah dan abdul Rahman*”

##### **Ketiga: Nama-Nama Para Sahabat**

Nama para sahabat Rasulullah SAW seperti Abu Bakar, Umar,Uthman, Ali , Zubair dan lain-lain juga elok untuk dijadikan pilihan untuk nama-nama anak. Mereka ini terkenal dengan sebagai ahli ibadah, pemimpin yang adil, pahlawan terbilang, pemikir agung, penghafaz al-quran dan perawi hadis yang ulung.

#### **Nama-nama yang dilarang**

##### **Pertama: Nama-nama buruk yang menjadi cemuh masyarakat dan menjatuhkan maruah anak seperti:**

Sariq: bermaksud pencuri

'Ashiah: bermaksud ahli maksiat

Kilab: bermaksud anjing-anjing

Jahil: bermaksud jahil

##### **Kedua: Nama-nama khusus kepada Allah sahaja**

Ahad: bermaksud Satu

#### **Ketiga: Nama-nama yang tidak membawa faedah.**

Malikul Amlak : bermaksud maharaja daripada segala raja  
Aflah: bermaksud mendapat kemenangan  
Yasar: bermaksud pihak kiri

#### **Keempat: Nama-nama dengan sebutan Abd ( hamba) yang dikaitkan dengan sesuatu selain Allah**

Abdul 'Uzza: bermaksud hamba berhalu 'Uzza.  
Abdul Kaabah: bermaksud hamba Kaabah  
Abdul Fulus: bermaksud hamba Fulus

#### **Keempat: Mengakikahkan anak**

Hendaklah mengakikahkan anak kerana hukumnya adalah Sunat Muakkad iaitu dengan mengadakan kenduri kesyukuran. Menyembelih 2 ekor kambing bagi anak lelaki dan seekor kambing bagi anak perempuan. Sebaik-baiknya dilakukan pada hari ketujuh. Sabda Rasulullah SAW: " Setiap anak yang dilahirkan tergadai dengan aqiqahnya yang disembelih pada hari ketujuh kelahirannya, diberikan nama dan dicukur rambutnya". (Riwayat Abu Daud)

Syarat-syarat aqiqah:

1. Umur binatang sembelihan
  - Unta berumur 5 tahun lebih
  - Lembu/kerbau berumur 2 tahun lebih
  - Kambing berumur 2 tahun atau telah bersalin gigi.
  - Kibas berumur 1 tahun atau telah bersalin gigi
2. Binatang sembelihan sihat dan tidak cacat
3. Daging aqiqah dipotong pada sendinya tanpa memecahkan tulangnya sesuai dengan tujuan aqiqah itu sebagai "Fida" (mempertalikan ikatan antara diri anak dan Allah SWT)
4. Disembelih atas nama anak yang dilahirkan

#### **Kelima: Bercukur Rambut**

Adalah menjadi tanggungjawab bapa untuk mencukur rambut anaknya pada hari ketujuh (dibotakkan) sama ada dilakukan oleh sendiri atau orang lain.

Dari segi kesihatan, perbuatan mencukur rambut bayi yang baru lahir ini dikatakan akan membuka semua liang rambutnya yang mungkin akan mengukuhkan pancaindera penglihatan, pernafasan dan pendengaran.

#### **Keenam: Mengkhitan anak**

Berkhatan atau berkhitian (dalam istilah Melayu) bermakna memotong kulit (kulup) yang menutupi zakar (bagi lelaki) dan memotong sedikit hujung kelentit bagi perempuan.

Terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, daripada Nabi SAW yang bermaksud: " Fitrah itu lima perkara, iaitu berkhatan, mencukur bulu kemaluan (lelaki atau perempuan), mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan menggunting misai".

#### **Khatan Wanita**

Imam Ahmad daripada Ummu 'Athiyyah bahawa Rasulullah SAW pernah menyuruh seorang wanita yang mengkhitan seseorang supaya tidak memotong keterlaluan dengan sabdanya yang bermaksud: "Jika kamu mengkhitan maka janganlah kamu berlebihan kerana yang demikian akan lebih baik bagi wanita dan lebih disukai oleh suami".

#### **Hikmah berkhatan**

- Pertama: Boleh membawa kepada kesempurnaan beragama.  
Kedua: Membezakan di antara orang Islam dan bukan Islam  
Ketiga: Menjaga kesihatan dan mengawal shahwat  
Keempat: Memelihara diri daripada bahaya penyakit

#### **PENUTUP**

Itulah antara perkara-perkara yang digalakkan oleh kita sebagai ibu bapa bagi menzahirkan tanda kesyukuran di atas kurnian Allah yang tidak ternilai ini. Semoga dengan usaha kita ini anak-anak yang dilahirkan akan menjadi anak yang soleh dan solehah yang bakal mendoakan kita apabila kita telah tiada di alam yang fanak ini. Wallahu'alam.

#### **RUJUKAN**

Dato' Ismail Kamus, Muhd Azrul Azlen Ab. Hamid ( Mac 2009) Indahnya Hidup Bersyariat. Telaga Biru Sdn. Bhd.  
Cr.Hj. Hushim Hj. Salleh, Ida Hartina Ahmed Tharbe ((2007) Anakku Sayang Bukit Tinggi Business Management.  
Saedah Siraj (2003) Pendidikan Anak-anak (2003) Kuala Lumpur.